

SURAT SETUJU TERIMARuj. Tuan
(Your Ref)Ruj. Kami Bil.(70) dlm LPPKN 38/31Jld.7
(Our Ref)Tarikh 20 September 2021
(Date)

Pengarah,
Pusat Pengurusan Penyelidikan ,
Universiti Islam Antarabangsa (IIUM),
53100 Kampus Gombak, Selangor

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

TAWARAN GERAN PENYELIDIKAN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (GP LPPKN) TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah bersetuju menawarkan Geran Penyelidikan LPPKN (GP LPPKN) tahun 2021 seperti berikut:

Tajuk Penyelidikan : *Enabling Digital Parenting Modules To Help Malaysian Parents Nurture Digitally Resilient Children*

Bidang penyelidikan : Kekeluargaan

Skop Penyelidikan : Kemahiran Keibubapaan

No. Rujukan GP : GPLPPKN0075

Ketua Penyelidik : Dr. Shafizan Mohamed

Fakulti : Jabatan Komunikasi, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan

Tempoh : 12 bulan

Peruntukan Diluluskan : RM40,000

...2/-



3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan, pelaksanaan projek penyelidikan perlu mengikut jadual perancangan dan mencapai hasil penyelidikan seperti yang ditetapkan Garis Panduan GP LPPKN seterusnya mematuhi tatacara kewangan yang diwartakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

4. Bagi melaksanakan penyelidikan, pihak YBhg. Dato'/Datuk/ Datin/ Prof./Dr./Tuan/Puan hendaklah mematuhi syarat-syarat antara lain seperti yang berikut:

- (a) akan menandatangani satu Perjanjian bertulis dengan LPPKN;
- (b) akan menggunakan peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan penyelidikan tersebut;
- (c) akan melaksanakan penyelidikan tersebut mengikut jadual yang disertakan dengan mematuhi Garis Panduan GP LPPKN;
- (d) pihak Penyelidik akan menanggung apa-apa kenaikan kos berkaitan penyelidikan ini, sekiranya ada;
- (e) akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiian atau kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan peraturan berkaitan penyelidikan ini;
- (f) akan membenarkan pegawai-pegawai LPPKN membuat naziran, semakan, pemeriksaan dan auditan terhadap pelaksanaan penyelidikan atau penggunaan peruntukan yang berkenaan; dan
- (g) sebarang pindaan atau perubahan kepada persetujuan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

5. Dengan pengakuan penerimaan surat ini, suatu kontrak terwujud di antara LPPKN dengan pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan. Suatu perjanjian formal akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma perjanjian sebagaimana yang dipersetujui.

6. Bersama ini, disertakan Surat Akuan Penerimaan Tawaran GP LPPKN untuk ditandatangani pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/ Prof./Dr./Tuan/Puan dan dikembalikan bersama surat ini.

7. Surat ini dihantar kepada pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan salinan asal dan kedua setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna di ruang yang berkenaan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh penerimaan surat ini kepada alamat seperti di bawah:

Ketua Pengarah,
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara,
Bangunan LPPKN,
12B, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
(u.p: Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga)
Tel: 603-2613 7555; Faks: 603-2698 8185
Emel: gp@lppkn.gov.my

8. Sekiranya pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan gagal mengembalikan surat ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan surat ini terbatal dan LPPKN tidaklah dengan apa-apa jua bertanggung terhadap pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan.

9. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi urusetia di Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK) seperti berikut:

- (i) Cik Rosdiana Abd Hamid di talian 03-2613 7555 samb.1517; atau
- (ii) Puan Nur Hidayahbillah Muhammad Ghani di talian 03-2613 7555 samb. 2148.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“LPPKN UTAMAKAN KELUARGA (FAMILY 1ST)”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL SHUKUR ABDULLAH)

Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

s.k. : Unit Perundangan

RAH/UPDP/BPKK

**AKUAN PENERIMAAN
TAWARAN GERAN PENYELIDIKAN LPPKN**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah Bil. (70) dlm LPPKN 38/31 Jld.7 bertarikh 20 September 2021 serta bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen berkaitan dan surat ini.

Tandatangan bagi pihak Universiti



Nama: **PROF. AMIR AKRAMIN SHAFIE**

No. Kad Pengenalan: **720430-03-5533**

Jawatan: **PENGARAH ,
PUSAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN**

Tandatangan Saksi



Nama: **RAJA NUR SABRINA BT RAJA AHMAD**

No. Kad Pengenalan: **830421-08-SHAH**

Jawatan: **Pegawai
Tadbir 6352**

Meterai atau Cop Rasmi

PROF. DR. AMIR AKRAMIN BIN SHAFIE
Director
Research Management Centre

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE
International Islamic University Malaysia

Tarikh: **Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03 - 6421 5002 , 03 - 6421 5010
Fax : 03 - 6421 4862**

Tarikh: **11 Okt 2021**

11 Okt 2021